

01/09/2002

Naza-Jaseri juara Perlumbaan Lasak Merdeka 2002

PEMANDU handalan Malaysia, Tommy Lee memacu pasukan Naza-Jaseri untuk memenangi Perlumbaan Lasak Merdeka 2002 di Litar F1 Sepang semalam.

Beliau yang bergandingan dengan pemandu Inggeris, Nigel Albon dan Tunku Hammam, menamatkan 262 pusingan pada perlumbaan lasak 12 jam, yang diadakan sempena perayaan Hari Merdeka.

Kemenangan itu sungguh manis buat Tommy yang memenanginya dengan menggunakan kereta Porsche GT3. Sebelum ini dia memenangi perlumbaan dengan kereta Proton Waja dan kereta TVR Chimaera pada tahun 2000 dan 2001.

"Saya memang bernasib baik," kata Tommy dalam sidang media selepas kemenangannya hari ini.

Bermula di barisan depan di petak pertama dengan pasukan pendahulu, Amprex Motorsports, Naza-Jaseri Racing mengambil peluang sepenuhnya dari kemalangan ke atas pasukan pilihan Amprex.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Pasukan Ethob dari Hong Kong, yang diwakili Clive Bate, Gerry Kipling dan Nick Thomas mendapat tempat kedua keseluruhan kategori Kelas A yang mengandungi kereta production 190lcc ke atas dan kereta production semua kapasiti.

Pasukan Symphony WRC Motorsports yang diwakili Aminuddin Omar, Lai Wee Sing dan Fahrizal Hasan ketiga keseluruhan selepas menamatkan 241 pusingan dan tempat kedua kategori A.

Choo Yong Choon, Siah Woei Pyng dan Kok Lee Foon, yang bertanding dalam Kumpulan C kategori, mendapat tempat keempat keseluruhan.

Perlumbaan ini dilepaskan oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein malam tadi. Sejumlah 77 buah kereta mengambil bahagian dan berakhir semalam.

Keputusan -

1. Tommy Lee, Nigel Albon, Tunku Hammam (Naza-Jaseri Racing Team) Kelas O, 262 pusingan.
2. Clive Bate, Gerry Kipling, Nick Thomas (Ethob Racing) Kelas A, 252 pusingan.
3. Aminuddin Omar, Lai Wee Sing, Fahrizal Hasan (Symphony WRC Motorsports) Kelas A, 241 pusingan.
4. Choo Yong Choon, Siah Woei Pyng, Kok Lee Foon, Kelas C, 240 pusingan.
5. Jerry Ng, Kok Pak Ching, Lim Ee Chek, Kelas B, 239 pusingan.
6. Jimmy Low, Eric Yeo, Keifli Othman (Petronas EON Racing Team), Kelas O, 239 pusingan.
7. Chong Fu Seong, Tan Meng Lai, Heah Choon Hong, Kelas C, 238 pusingan.
8. Azman Hussin, Norhisham Mahyuddin, Sutan Mustafa, Kelas B, 238 pusingan.
9. Grant Johnson, Allan Letcher, Peter Hills, Kelas B, 238 pusingan.
10. Key Soon Yue, Ila Ridak, Jeff Wright (Team Competizione), Kelas O, 238 pusingan.